

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSN [PAPAR]

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan relevan portfolio Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri dalam membantu kerajaan mengekang COVID-19 dan inisiatif-inisiatif yang telah digerakkan oleh portfolio tersebut dalam menjayakan ministerial agenda bagi Program Imunisasi Kebangsaan seperti Kementerian-Kementerian lain

JAWAPAN

**YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman YB, terdapat lima (5) agensi yang telah ditempatkan di bawah seliaan Menteri di JPM (Tugas-tugas Khas). Agensi-agensi tersebut adalah Majlis Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Angkatan Pertahanan Awam (APM), TERAJU, SEPADU dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera. Pada masa yang sama, Menteri di JPM (Tugas-Tugas Khas) juga akan menjalankan tugas yang diarahkan oleh YAB Perdana Menteri dari masa ke semasa.
2. Untuk makluman lanjut YB, Menteri di JPM (Tugas-Tugas Khas) telah membantu Kerajaan bagi mengekang wabak Covid-19 melalui

agensi NADMA dan juga APM. NADMA bertindak sebagai penyelaras bagi pengurusan bantuan bencana dalam memastikan bantuan tersebut dapat diuruskan dengan teratur dan efektif. NADMA juga menyelaras tindakan pengoperasian dan gerak kerja termasuk pengurusan logistik bagi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD). NADMA juga bertanggungjawab dalam menguruskan bantuan kepada mangsa Covid-19, pengurusan stesen kuarantin serta menguruskan bantuan Tabung Covid-19 kepada mereka yang disahkan positif atau kontak rapat kepada pesakit.

3. Manakala APM pula adalah salah sebuah agensi keselamatan yang telah diberikan kuasa dalam pelaksanaan Akta 342 : Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. APM adalah salah satu agensi yang menjadi tunjang utama sekretariat pengurusan bencana dalam menangani pandemik Covid-19. Antara tugas yang dipikul oleh APM dalam membantu untuk mengekang wabak Covid-19 adalah melalui rondaan bersama pihak berkuasa lain, penugasan pentadbiran, pengumpulan data, pengurusan penghantaran bekalan dan bantuan ke kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan secara Pentadbiran.

4. Pada masa yang sama, APM juga berperanan dan penglibatan dalam merancang pembukaan, pengoperasian dan penutupan Stesen Kuarantin, memastikan Pelan Tindakan Kecemasan berjalan lancar, memastikan penghantaran makanan mengikut masa, menguruskan sisa klinikal, kerja-kerja sanitasi dan terminal cleaning diuruskan dengan baik.